

Bahagian Makluman  
Perkhidmatan Pembaca

# KORELASI DIANTARA TAHAP PENCAPAIAN AKADEMIK DENGAN PENDAPATAN IBUBAPA

OLEH



JUSOH YACOB  
MOHD ZAKI ZAKARIA  
NIK BADRUL ALAM NIK ABDUL MAJID(HJ)

INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN

JUN 1995

## PRAKATA

Terlebih dahulu kami ingin melahirkan rasa syukur kami yang tidak terhingga kepada Allah yang maha kuasa di atas kekuatan yang diberikan kepada kami sehingga dapat kami siapkan kajian yang kerdil ini di dalam jangkamasa yang ditetapkan.

Ucapan terima kasih juga ingin kami sampaikan kepada pihak pentadbiran ITMCK khususnya pihak Pengetua, Timbalan Pengetua HEA dan bahagian kewangan yang telah banyak menyenangkan kerajaan kami.

Ucapan terima kasih secara khusus ingin kami sampaikan kepada Tuan Haji Muhammad Abdullah (Koordinator SMK) di atas dorongan yang telah diberikan kepada kumpulan kami untuk menyiapkan penyelidikan ini khususnya di dalam usaha kami untuk mempelopori suatu teori yang kami namakan *Teori Hanyut* di dalam mencuba sesuatu yang baru.

Akhir sekali ingin kami memohon kepada semua kawan-kawan seperjuangan di ITMCK agar kalian selalu mendoakan agar Allah terus memberikan kekuatan kepada kami pada masa-masa akan datang untuk menjadikan kami di antara orang-orang yang mendapat petunjuk dan terproduktif di ITMCK ini.

ITMCK

JUN 1995

## PENGENALAN

Pelajaran merupakan aspek penting di dalam penghidupan manusia. Bolah dikatakan semua orang bersetuju jika disyorkan bahawa di antara agenda utama yang sepatutnya diberi penekanan oleh setiap

individu di dalam hidup mereka ialah pelajaran. Kita mempercayai bahawa untuk mempertingkatkan kedudukan (mertabat) sama ada dari sudut negara, bangsa, masyarakat, keluarga maupun individu, pelajaranlah yang merupakan ejen perubahan yang berkesan.

Namun begitu apa yang menjadi tanda tanya bagi kebanyakan orang ialah, adakah semua orang dapat mencapai tahap akademik yang tinggi terutamanya apabila dibuat perbandingan di antara golongan yang berada dan yang kurang berada. Oleh itu objektif utama dari kajian ini adalah;

- i. Untuk melihat sama ada terdapat perhubungan di antara tingkat pendapatan dengan kemajuan akademik pelajar
- ii. Untuk memberi garis panduan kepada setiap keluarga tentang apakah keutamaan yang sepatutnya diberikan untuk mencapai kejayaan akademik anak-anaknya
- iii. Sebagai garis panduan kepada pembuat dan pelaksana dasar kerajaan yang berkaitan dengan pendidikan



Untuk memastikan kajian ini mencapai matlamatnya, terlebih dahulu kita cuba melihat sama ada pelajar-pelajar yang terlibat di dalam kajian ini berada di dalam keadaan normal atau tidak. Dengan ini beberapa perkara asas telah diambil kira di dalam kajian ini. Perkara-perkara itu ialah;

**\* Status pelajar**

*Apa yang dimaksudkan dengan status pelajar ialah sama ada pelajar berkenaan masih bersama ibu bapa atau sebaliknya. Perkara ini diambil kira kerana ianya boleh mempengaruhi ketenangan jiwa seseorang pelajar semasa mereka menghadapi pelajaran.*

**\* Pakaian ke kuliah**

*Pakaian ke kuliah diambil kira di dalam kajian ini kerana selain dari ia menggambarkan kedudukan sosio ekonomi pelajar, ia juga boleh memberi kesan kepada konsenterasi pelajar semasa belajar.*

**\* Wang saku**

*Di ITM, pelajar-pelajar ditanggung oleh kerajaan. Dengan ini kita dapati pelajar-pelajar di ITM tidak ditawarkan biasiswa oleh JPA. Jika terdapat juga pelajar-pelajar yang mendapat biasiswa, bilangannya terlalu kecil. Pemiayanya*

*adalah selain dari JPA. Oleh itu wang saku diambil kira*

*di dalam kajian ini memandangkan pelajar-pelajar masih*

*memerlukan sedikit tambahan wang untuk memenuhi keperluan-*

*keperluan asasnya misalnya untuk membeli peralatan pembe-*

*lajaran dan sebagainya.*

**\* Kemudahan komunikasi asas**

*Kemudahan komunikasi asas diambil kira di dalam kajian ini*

*memandangkan daripada kemudahan yang dimiliki dapat kita*

*tentukan sama ada pelajar-pelajar yang dikaji adalah*

*pelajar yang berada di dalam suasana terlalu tertutup atau*

*sebaliknya.*

Kajian tentang perhubungan di antara tahap pendapatan keluarga dengan pencapaian akademik pelajar ini telah dilakukan dengan mengambil seramai 182 orang pelajar ITM Cawangan Kelantan sebagai sampel. Ia mewakili sebanyak 19.6 peratus dari jumlah keseluruhan pelajar-pelajar ITM Cawangan Kelantan. Walaupun kajian ini dilakukan terhadap pelajar-pelajar ITM Cawangan Kelantan, kami berpendapat kajian ini boleh diterima pakai sebagai garis panduan untuk seluruh pelajar di Semenanjung Malaysia kerana pelajar-pelajar di ITM Cawangan Kelantan terdiri dari pelbagai negeri di Semenanjung.